



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA MENTERI KESIHATAN

PENINGKATAN PENGAMBILAN VAKSINASI COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan, sejak pembukaan sempadan negara Republik Rakyat China (RRC) pada 8 Januari 2023, kes harian COVID-19 yang dilaporkan di Malaysia kekal di bawah 500 kes. Malah, pelaporan kes harian COVID-19 kekal tiga (3) digit sejak 17 Disember 2022.

Selain itu, sejak dua minggu lalu, berlaku peningkatan tren dalam pengambilan dos penggalak kedua di fasiliti kesihatan di seluruh negara. Berbanding 1 Januari 2023, pengambilan dos penggalak pertama meningkat daripada **49.8%** atau 16,279,746 dos kepada **49.9%** iaitu sebanyak 16,292,524 dos. Dos penggalak kedua juga menyaksikan peningkatan iaitu sebanyak **2.2%** atau 733,668 dos berbanding **1.9%** atau 633,941 sebelum ini.

Pengambilan dos penggalak kedua di Sarawak juga meningkat kepada 76,369 dos pada 17 Januari 2023 berbanding 56,462 pada 1 Januari lalu. Peningkatan sebanyak **35%** itu berlaku dalam tempoh 17 hari. Secara purata, jumlah pengambilan dos penggalak kedua di Sarawak meningkat 20 kali ganda iaitu sebanyak 2,085 dos sehari berbanding 101 dos pada 31 Disember 2022.

KKM ingin menasihatkan individu yang belum menerima dos primer vaksin dan dos penggalak vaksin COVID-19 agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin bagi melindungi diri dan orang tersayang khususnya menjelang musim perayaan Tahun Baru Cina akan datang.

Sementara itu, berdasarkan laporan, sejumlah 28,705 pengembara dari RRC dilaporkan tiba di Malaysia sejak 8 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023. Setakat ini, hanya seorang (1) daripada pengembara tersebut dikesan mengalami demam semasa saringan. Walau bagaimanapun, ujian RTK-Ag yang dijalankan ke atas pengembara tersebut adalah negatif. Tiada pengembara dari RRC yang dikesan positif COVID-19 di pintu masuk antarabangsa negara setakat ini.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan dalam dan luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO serta kerjasama bersama negara-negara ASEAN dan juga negara RRC. KKM akan sentiasa memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

20 Januari 2023